

Headline	Jangkitan HIV dalam kalangan wanita semakin meningkat		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	4	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 374
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,122



Jangkitan HIV dalam kalangan wanita semakin meningkat

KOTA BHARU – Majlis AIDS Malaysia (MAM) bimbang dengan peningkatan peratusan wanita yang dijangkiti HIV yang hampir sepuluh kali ganda dalam tempoh sedekad lalu sejak 2002.

Presiden MAM, Datuk Dr. Raj Karim berkata, perangkaan terkini menunjukkan bahawa 9,494 wanita kini hidup dengan HIV dan jumlah itu mewakili hampir 10 peratus daripada kes kumulatif HIV di negara ini.

“Keadaan itu berpunca daripada kurangnya pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan wanita mengenai jangkitan virus itu yang dibawa oleh pasangan (lelaki) masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Bengkel Asas Perniagaan di bawah Program Pencegahan Jenayah Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita di sini semalam.

Raj berkata, penularan HIV dalam kalangan wanita dibimbangi akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat kerana mereka khususnya kaum ibu, merupakan tunjang yang menyatupadukan institusi kekeluargaan.